

**ETOS MELAYU:
PERSPEKTIF ADAT PERPATIH**

ABDUL RAZAK BIN HAJI LIDUN

**PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

1999



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU


Oleh

ABDUL RAZAK BIN HAJI LIDUN


Projek Sarjana ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjana Sastera pada sesi 1998/99


Penyelia

27. 4. '99
Tarikh


Pemeriksa Kedua

20. 4. 1999.
Tarikh


Ketua Jabatan
Jabatan Persuratan Melayu

30 April '99.
Tarikh

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 Oktober, 1998

ABDUL RAZAK BIN HJ LIDUN

A 6864

PENGHARGAAN

Sesungguhnya Allah s.w.t. yang maha berkuasa dan layak menerima puji-pujian. Oleh itu saya bersyukur kerana limpah-Nya segala kekuatan fizikal dan mental dapat saya melengkapkan projek ini walaupun berhadapan dengan rintangan ketika kerja-kerja menyiapkannya.

Kepada Ketua Jabatan Persuratan Melayu, Profesor Madya Dr. Noriah Mohamed saya amat berterima kasih kerana sering memberi semangat dan dorongan kepada saya. Kepada pensyarah penyelia, Profesor Madya Dr. Sidek Fadzil, saya banyak terhutang budi kerana kesabarannya dalam membimbing dan menasihati saya semasa kerja-kerja menyiapkan projek ini. Kepada Profesor Madya Dr. Amran Kasimin, Profesor Madya Dr. Abdul Rahman Napihah, Profesor Madya Dr. Shafie Abu Bakar, Dr. Hanafi Dolah , hatta kepada semua pensyarah Jabatan Persuratan Melayu saya amat terhutang budi . Kemesraan staf sokongan Jabatan Persuratan Melayu juga amat bernilai kerana menjadi sumber inspirasi yang kekal dalam kenangan saya buat selama-lamanya.

Akhirnya, kepada semua pihak yang turut serta memberi bantuan dan dorongan, saya ingin merakamkan setinggi-tingginya penghargaan dan kepada Allah saya mengadu untuk ganjaran yang mutlak dan abadi.

ABDUL RAZAK BIN HAJI LIDUN
BT. 19 JALAN SEREMBAN
JELEBU.

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat etos bangsa Melayu daripada perspektif Adat Perpatih yang diamalkan oleh sebahagian besar orang Melayu di Negeri Sembilan. Etos sesuatu bangsa itu sebenarnya berakar umbi sejak turun-temurun. Sehubungan itu, kajian ini akan memeriksa kata-kata adat yang menjadi rukun hidup masyarakat Adat Perpatih untuk dianalisis. Kajian ini bermatlamat untuk mengetahui sama ada Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di Negeri Sembilan itu merupakan peraturan yang bersifat lengkap. Kajian ini juga ingin melihat Adat Perpatih yang menjadi pegangan orang Melayu Negeri Sembilan itu adakah dapat dianggap sebagai boleh diterimapakai dan dapat bertahan hingga hari ini. Akhirnya kajian ini ingin memeriksa adakah Adat Perpatih itu berlandas hukum Islam. Pada akhir kajian ini, didapati bahawa orang-orang Melayu pengamal Adat Perpatih di daerah Jelevu sebenarnya telah mempunyai sistem hidup yang begitu teratur dan lengkap yang menjadi asas kepada etos bangsa itu. Keputusan kajian menunjukkan pertama, Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di daerah Jelevu adalah merangkumi aspek sosial, ekonomi dan politik. Kedua, Adat Perpatih mampu bertahan hingga ke hari ini, khasnya di daerah Jelevu kerana ia masih diamalkan dalam kehidupan seharian. Ketiga, Adat Perpatih yang menjadi pegangan sebahagian besar orang Melayu di daerah Jelevu tidak bercanggah dengan tuntutan agama Islam.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v
 PENDAHULUAN	
0.1 Latar Belakang	vii
0.2 Penyataan Masalah dan Objektif Kajian	x
0.3 Kepentingan Kajian	xvi
0.4 Definisi Istilah	xvii
0.5 Batasan Kajian	xx
0.6 Metodologi Penyelidikan dan Teori	xxi
0.7 Kajian Lepas	xxvi
 BAB I: ETOS DAN KEBUDAYAAN MELAYU	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Karya Sastra Tradisional Sebagai Sumber Etos Melayu	9
1.3 Kebudayaan Melayu dalam Konteks Zaman Kini	23
1.4 Kesimpulan	27
 BAB II: ETIKA SOSIAL	
2.1 Pengenalan	29
2.2 Etika Sosial Adat Perpatih	33
2.3 Etika Pergaulan	38
2.4 Etika Berjiran	45
2.5 Etika Menuntut Ilmu	54
2.6 Etika Penghakiman	58
2.7 Kesimpulan	63

BAB III: ETIKA EKONOMI

3.1	Pengenalan	66
3.2	Etika Ekonomi Adat Perpatih	68
4.2.1	Nilai Maruah dalam Ekonomi	74
4.2.2	Nilai Kegigihan Mencari Harta	75
4.2.3	Nilai Muafakat	78
3.3	Ekonomi daripada Pandangan Islam	80
3.4	Kesimpulan	83

BAB IV: ETIKA POLITIK

4.1	Pengenalan	86
4.2	Etika Politik Adat Perpatih	89
4.2.1	Nilai Demokrasi	95
4.2.2	Nilai Mufakat	97
4.2.3	Nilai-Nilai Islam	98
4.3	Nilai Kepimpinan dalam Masyarakat Adat Perpatih	100
4.4	Kesimpulan	104

PENUTUP	106
----------------	-----

BIBLIOGRAFI	119
--------------------	-----

LAMPIRAN 1	126
LAMPIRAN 2	127
LAMPIRAN 3	129

BAB II

ETIKA SOSIAL

2.1 Pengenalan

Masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan sentiasa hidup dalam suasana terpelihara kerana setiap aspek dalam kehidupan mereka dikawal oleh peraturan adat. Adat Perpatih telah menyediakan landasan yang begitu kukuh dan lengkap bagi mengawal setiap aktiviti hidup anggota masyarakatnya. Dengan yang demikian, Adat Perpatih dapat meletakkan kehidupan setiap anggota masyarakatnya dalam keadaan harmoni, saling bantu-membantu, berkerjasama, aman dan damai. Dalam hubungan ini, etika sosial dalam sistem Adat Perpatih dianggap lengkap. Lantaran itu, masyarakat Negeri Sembilan meletakkan adat di tempat yang tinggi seperti kata-kata yang sering diucapkan dan menjadi prinsip masyarakat Adat Perpatih "*Biar mati anak, jangan mati adat*".

Sehubungan itu, daripada aspek nilai sosial tidak terkecuali telah digariskan dalam sistem Adat Perpatih itu sendiri. Dalam aspek sosial ini, peraturan adat dengan jelas dan lengkap menyediakan peraturan yang seharusnya diamalkan dalam bermasyarakat. Setiap peraturan adat yang menyentuh aspek sosial ini masih digunakan oleh masyarakat Adat Perpatih sehingga sekarang kerana seperti kata adat

"*Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*". Peraturan yang digariskan itu bertujuan memberikan kesejahteraan dalam masyarakat. Oleh itu, nilai-nilai sosial dalam lingkungan masyarakat sentiasa dipatuhi dan disanjung. Nilai sosial ialah nilai-nilai yang disanjung oleh sesuatu masyarakat adalah sistem yang dianggap amat baik dan dijadikan pedoman tertinggi bagi kelakuan setiap anggota masyarakat.⁷⁵

Justeru itu, etika sosial Adat Perpatih berfungsi sebagai pengimbang atau pengawal kepada setiap tindakan atau aktiviti sosial, pergaulan, kejiwaan, pendidikan dan undang-undang. Kawalan dan pengimbangan sosial ini penting bagi menentukan sesebuah masyarakat itu dapat hidup aman dan teratur. Dalam hubungan ini Teori Fungsi Struktural (disebut juga sebagai Teori *Equilibrium*) menyebut:

Each social system performs certain functions that make it possible for society and the people who comprise that society to exist. Each serves a function that leads to the maintenance or stability of the larger society. The educational system is intended to provide literary and technical skills, the religious system is intended to provide emotional support and answer questions about the unknown, families are intended to socialize infants, and so on. The functionalist perspective assumes that these

⁷⁵ Ismail Hamid, *Masyarakat dan Kebudayaan Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 78.

social system have an underlying tendency to be equilibrium or balance; any system that fails to fulfill its functions will result in an imbalance or disequilibrium. In extreme cases, the entire system can break down when a change or failure in any one part of the system affects its interrelated parts.⁷⁶

Seperti yang telah dijelaskan, sistem adat yang diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat Melayu di Negeri Sembilan mempunyai ciri-ciri khusus yang tidak terdapat di mana-mana masyarakat di Malaysia. Adat Perpatih yang menjadi tunjang kepada peraturan hidup masyarakat Melayu Negeri Sembilan sememangnya dianggap lengkap kerana meliputi setiap aspek kehidupan. Lantaran itu, masyarakat yang mendokong Adat Perpatih sebagai peraturan hidup sentiasa hidup dalam harmoni dan saling bantu-membantu. Bagi masyarakat Melayu di Negeri Sembilan konsep "*gotong-royong*" atau lebih mesra dengan istilah "*menyeraya*" menjadi asas atau tonggak penting dalam sistem sosial mereka.

Dalam hubungan itu, prinsip yang menjadi penggerak utama masyarakat dalam sistem kemasyarakatan Adat Perpatih ialah muafakat. Oleh itu, berlandas kepada sistem sosial masyarakat Adat Perpatih mereka mementingkan kerjasama dan perpaduan.

⁷⁶ J. R. Eshleman & B. G. Cashion, hlm. 40.

Dato' Megat Hj Lidun Mohammad berpendapat perbilangan adat yang menyentuh tentang nilai kerjasama dan perpaduan dinyatakan dengan jelas dalam kata-kata berikut:

Seikat bak sirih,
 Serumpun bak serai
 Serangkap bak lembing
 Seciap bak ayam
 Sedencing bak besi
 Malu tak boleh diagih
 Suku tak boleh dianjak
 Melompat sama patah
 Menyerudup sama bongkok
 Fahamannya hendaklah sesuai
 Rundingnya tidak selisih
 Jalan sedudun
 Selenggang seayun.⁷⁷

Jelas daripada kata-kata adat di atas, masyarakat yang dilingkungi Adat Perpatih ini sentiasa berkerjasama pada setiap tindakan yang dilakukan. Bagi mereka dalam menangani sesuatu perkara harus ada semangat berkerjasama dan kebulatan dalam melakukannya. Apapun yang akan terjadi, sama ada baik atau sebaliknya, perlu

⁷⁷ Temubual dengan Dato' Megat Hj Lidun Mohamad pada 20 Mei, 1998.

ada tindakan bersama dan risikonya akan dihadapi bersama-sama. Sehubungan itu, kata adat ada menyatakan:

Bulat air kerana pembentung,
 Bulat manusia kerana muafakat,
 Bulat segolek pipih selayang,
 Rundingan jangan selisih,
 Muafakat jangan bercanggah,
 Tuah pada sekata,
 Berani pada seiya.⁷⁸

Kalau diteliti kata-kata di atas, nilai yang terkandung di dalamnya ialah kerjasama dan perpaduan amat penting dalam setiap pekerjaan. Apabila menghadapi sesuatu masalah, disarankan agar dibawa berunding untuk mencari penyelesaian. Pada masyarakat Adat Perpatih itulah cara yang sebaik-baiknya kerana muafakat akan membawa kebaikan.

2.2 Etika Sosial Adat Perpatih

Dalam sistem Adat Perpatih, nilai hidup bermasyarakat ialah nilai hidup bermuafakat.⁷⁹ Sehubungan itu, masyarakat Adat Perpatih tidak berfahaman "*individualisme*" dalam hidup mereka. Hubungan individu dan masyarakatnya ibarat isi dengan kuku. Falsafah

⁷⁸ Ibid.

⁷⁹ Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Berhad, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 12.

hidup mereka sehari-hari "*yang tua dimuliakan, sama sebaya dihormati, yang muda dikasihi*". Oleh itu, nilai hidup mereka atas konsep '*bersama*' dan '*saling hormat menghormati*'⁸⁰

Oleh itu, dalam masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih ini, konsep sosial yang dipraktikkan oleh masyarakatnya dianggap sistematik dan lengkap. Kajian-kajian yang dilakukan oleh para sarjana tentang adat tersebut mendapati peraturan hidup yang digariskan dalam adat ini memperlihatkan ciri-ciri yang lengkap dan teratur. Menurut Nordin Selat nilai tentang hidup bermasyarakat Adat Perpatih itu dibahagikan kepada beberapa klasifikasi seperti berikut:

- 1) Timbang Rasa
- 2) Tolong Menolong
- 3) Persefahaman
- 4) Bahagi Membahagi
- 5) Perpaduan
- 6) Samarata
- 7) Bertatatertib
- 8) Kepatuhan
- 9) Setia
- 10) Hormat Menghormati
- 11) Kejujuran⁸¹

⁸⁰ Nor Hasiah bt Harun, Nilai Etika Dalam Perbilangan Adat Perpatih Menurut Pandangan Islam, Latihan Ilmiah, Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1990/91, hlm. 14.

⁸¹ Nordin Selat, hlm. 12-16.

Berdasar kepada ciri-ciri kemasyarakatan yang digariskan dalam sistem sosial Adat Perpatih itu, masyarakat boleh hidup secara harmoni dan saling bantu-membantu antara satu sama lain. Dengan itu lahir masyarakat yang sejahtera dan beretika dalam hidup.

Sehubungan itu, kata-kata adat ada menyebutkan:

Duduk sama rendah

Berdiri sama tinggi⁸²

Berdasarkan kata-kata di atas, nilai yang tersirat ialah masyarakat seharusnya dapat berganding bahu pada setiap masa. Dalam masyarakat tidak akan wujud perbezaan darjat, malah setiap orang adalah sama setaraf. Jika diamalkan nilai ini pasti masyarakat dapat hidup dengan aman damai. Natijahnya, berpegang kuat pada peraturan bermasyarakat tersebut, maka masyarakat Adat Perpatih hidup dengan aman tanpa sebarang masalah sosial. Sekiranya ada unsur-unsur yang melanggar peraturan tersebut maka ada pula peraturan adat yang akan dilakukan untuk membentaras gejala yang kurang sihat itu. Dalam hal ini, pendekatan yang digunakan oleh adat untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul dalam masyarakat ialah dengan cara yang paling lembut dan terhormat. Tindakan ini bertujuan untuk tidak menyinggung perasaan keluarga atau individu, seperti kata adat:

⁸² Temubual dengan Dato' Megat Hj Lidun Mohamad pada 20 Mei, 1998.

Ibarat menarik rambut dalam tepung,
 Rambut jangan putus,
 Tepung jangan tumpah.
 Ibarat memalu ular
 Tanah jangan lembang
 Kayu pemukul jangan patah
 Ular mati juga
 Kalau keruh dijernihkan
 Kalau kusut diusaikan.⁸³

Kalau diteliti secara halus kata-kata adat di atas, masyarakat Adat Perpatih amat teliti dan berhati-hati dalam menangani sesuatu masalah yang terbit dalam masyarakat. Masalah yang timbul akan diatasi secara paling beradab supaya pihak yang terbabit tidak merasakan peraturan itu membebankan dan tidak memberikan mereka malu di mata masyarakat. Dengan itu dapat dikatakan bahawa peraturan yang diamalkan oleh masyarakat ini dalam hubungan sosialnya memakai kaedah diplomasi. Falsafah yang terdapat di sebalik pendekatan diplomasi itu ialah untuk menimbulkan perasaan baik sangka dan memupuk perasaan saling hormat menghormati. Dengan kata lain, kesalahan yang berlaku dalam lingkungan masyarakat itu adalah perkara yang lumrah tetapi ia perlu diperbetulkan supaya tidak akan menjadi barah yang akan merebak luas dalam masyarakat. Dalam hubungan ini, kata adat menyatakan:

⁸³ Ibid.

Tidak ada kusut yang tak selesai
 Kusut benang, cari hujung dan pangkalnya
 Kusut rambut, ambil minyak dan sikat.
 Sabar penghilang penat
 Tekun pembawa dekat.⁸⁴

Nilai yang terungkap dalam perpatih di atas ialah setiap masalah ada penyelesaiannya. Oleh itu, jika timbul masalah dalam masyarakat, perlu dicari jalan penyelesaiannya. Bagaimanapun kadang-kadang untuk menyelesaikan masalah tersebut memerlukan kesabaran. Maka di sini jelas bahawa masyarakat Adat Perpatih telah pun mempraktikkan nilai sabar dalam kehidupan mereka. Ini adalah selari dengan ajaran Islam yang menyatakan bahawa kesabaran itu separuh daripada iman.

Seperti yang telah dinyatakan oleh Nordin Selat di atas, beliau mengklasifikasikan sebelas ciri yang terdapat dalam sistem sosial dalam masyarakat Adat Perpatih. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji akan membicarakan aspek-aspek berikut:

- 1) Etika Pergaulan
- 2) Etika Berjiran

⁸⁴ Ismail Hamid, *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 85.

- 3) Etika Menuntut Ilmu
- 4) Etika Penghakiman

3.3 Etika Pergaulan

Masyarakat Adat Perpatih memegang kukuh kepada peraturan hidup seharian yang ditetapkan nenek moyang mereka sejak turun-temurun. Segala peraturan yang dibina bertujuan untuk mewujudkan keharmonian dalam masyarakat, khususnya dalam lingkungan keluarga. Dalam hubungan ini, suku dianggap sebagai satu kelompok kekeluargaan yang besar dalam masyarakat Adat Perpatih. Walau bagaimanapun, ahli-ahli sesuku menganggap diri mereka sebagai adik beradik. Dengan itu, rasa kesatuan di kalangan mereka adalah kuat dan teguh.

Sesusun baik sirih

Serimbun bak serai;

Seharta sebenda,

Sepandam seperkuburan,

Sehina semalu;

Malu seorang, malu semua.⁸⁵

⁸⁵ Norhalim Hj Ibrahim, hlm. 97.

Berdasar kepada kata-kata adat tersebut, gambaran yang jelas dalam masyarakat pengamal Adat Perpatih memberi penekanan kepada konsep "*persaudaraan*" yang gitu dan mantap. Kegituan dan kemantapan dalam hubungan kemasyarakatan memainkan peranan penting dalam sistem sosial Masyarakat Adat Perpatih itu. Dalam hubungan ini, prinsip persaudaraan ini turut ditegaskan Allah dalam firman-Nya yang bermaksud:

Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah bercerai-berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa jahilliah) bermusuhan-musuhan, maka Allah menjinakkan antara hatimu, lalu dijadilah kamu kerana nikmat Allah itu, orang-orang yang bersaudara.⁸⁶

Dalam sebuah hadis pula, Nabi Muhammad S.A.W menyentuh tentang konsep persaudaraan seperti sabda baginda yang bermaksud:

Tidak dianggap sempurna iman terhadap-Ku seseorang yang tidur dengan keadaan perut yang kenyang sedangkan

⁸⁶ Ali Imran, 3:103.

jiran di sisinya dalam keadaan kelaparan, dan dia mengetahui yang demikian.⁸⁷

Bertitik tolak daripada petikan al-Quran dan al-Hadis di atas tidak dapat disangkal bahawa Islam amat menekankan tentang perlunya hubungan persaudaraan di kalangan manusia sejagat. Dasar-dasar daripada sistem sosial Islam terletak atas kepercayaan bahawa semua makhluk manusia adalah sama dan merupakan satu "*ukhuwwah*" (persaudaraan) tunggal.⁸⁸ Dalam hubungan ini, dapat ditegaskan bahawa prinsip "*ukhuwwah*" atau persaudaraan ini menjadi tuntutan agama. Dalam peraturan Adat Perpatih pula, hal ini ada memperlihatkan keselarasan seperti yang dituntut oleh Islam di mana konsep tersebut merupakan landasan yang konkrit dalam sistem sosial Adat Perpatih:

Berat samo dipikul
 Ringan samo dijinjing
 Yang tak ado samo dicari
 Samo sakit samo sonang
 Ko bukit samo mondaki
 Ko lurah samo menuruni
 Samo menghayun samo molangkah
 Khobar baik diberitahu
 Khobar buruk sorentak didatangi
 Jauh ingat mengingat

⁸⁷ Al- Tabrani daripada Anas.

⁸⁸ Abul A'la Al-Maududi , *Pokok Pandangan Hidup Muslim (terjemahan)*, Pustaka Nasional, Singapura, 1983, hlm. 47.

Doket tomu monomu

Dapek samo labo

Hilang samo rugi.⁸⁹

Kata adat di atas, kalau dikaji membawa nilai atau falsafah yang amat murni tentang konsep sosial dalam masyarakat Adat Perpatih. Masyarakat tersebut begitu perihatin dalam soal kerjasama dan perpaduan. Bagi mereka susah-senang dalam anggota masyarakat perlu dihadapi bersama-sama. Setiap anggota masyarakat bertanggungjawab di atas segala yang berlaku pada salah seorang daripada mereka. Tegasnya, masyarakat Adat Perpatih mengamalkan nilai-nilai berkerjasama, perkongsian dan persaudaran yang begitu ketara. Semangat tersebut ditunjukkan tidak terbatas kepada ketika mendapat berita baik sahaja malah bila berhadapan dengan berita buruk juga ia tetap diamalkan.

Dalam hubungan ini, kata-kata adat yang dapat mencerminkan keperibadian orang-orang Melayu yang mendokong Adat Perpatih itu adalah seperti berikut:

Adat bersaudara,

Saudara dipertahankan;

Adat berkampung,

Kampung dipertahankan;

Adat bersuku,

Suku dipertahankan;

⁸⁹ Kamarudin Hj Kachar. Ucapan Alu-Aluan Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, 3-5 Mei. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 1984.

Adat bernegeri,
 Negeri dipertahankan;
 Sandar menyandar,
 Seperti aur dengan tebing.⁹⁰

Berhubung dengan kata-kata adat di atas pula, nilai yang tersirat ialah masyarakat Adat Perpatih menggariskan peranan anggotanya dalam masyarakat. Hal ini jelas digambarkan peranan mereka terhadap saudara, kampung, suku dan negeri. Selanjutnya dituntut juga nilai berkerjasama dan saling sokong-menyokong ketika mereka melakukan sesuatu tindakan kerana dengan cara itu segala tindakan akan dapat mencapai kejayaan.

Dalam masyarakat Adat Perpatih, setiap individu mempunyai peranan masing-masing. Dengan kata lain tidak ada seorang pun dalam anggota masyarakat itu yang tidak boleh menyumbangkan baktinya kepada kesejahteraan masyarakat. Di sinilah letaknya nilai tolong-menolong, berkerjasama, gotong-royong dan semangat kekeluargaan dalam Adat Perpatih itu. Bagi masyarakat Adat Perpatih, adunan kepakaran yang ada dalam anggota masyarakatnya akan memperkokohkan lagi kestabilan masyarakat tersebut. Hal ini digambarkan dengan ungkapan berikut:

Jika alim hendakkan doanya

Jika cerdik teman berunding

⁹⁰ Norhalim Hj Ibrahim, Sistem Sosial Adat Negeri Sembilan, Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 3-5 Mei, 1984.

Jika bodoh disuruh arah
 Jika kuat memikul beban
 Jika buta menghembus lesung
 Jika pekak membakar bedil
 Jika capek menghalau ayam
 Jika kaya hendakkan emasnya
 Tinggi banir tempat berlindung
 Rimbun daun tempat bernaung⁹¹

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, dalam sistem sosial Adat Perpatih segala peraturan yang ada hubung-kaitnya dengan masyarakat telah sedia termaktub untuk dipatuhi. Sehubungan itu, dalam peraturan orang bersemenda juga telah digariskan dengan jelas , seperti kata adat:

Masuk kandang kerbau menguak
 Masuk kandang kambing membebek
 Bagaimana adat tempat semenda, dipakai
 Bila bumi dipijak, langit dijunjung
 Bagaimana adat negeri itu, dipakai.⁹²

Berdasar kepada kata-kata di atas, jelas bahawa setiap orang semenda harus mematuhi peraturan dan adat yang diamalkan oleh masyarakat setempat di mana mereka bersemenda. Perkara ini penting kerana kepatuhan mereka akan menjamin

⁹¹ Ibid.

⁹² Nordin Selat, hlm. 121.

kesejahteraan dan keharmonian dalam hubungan mereka dengan isteri, keluarga isteri dan masyarakat setempat. Oleh itu, jika peraturan ini dipatuhi tidak akan wujud masalah dalam sesebuah keluarga kerana mereka saling memahami. Dalam pada itu, setiap orang semenda pula mempunyai peranan yang penting dalam lingkungan tempat semendanya. Hal ini dinyatakan dengan jelas dalam kata-kata adat berikut:

Kalau cerdik hendakkan rundingan,
 Kalau bingung disuruh arah,
 Menjemput yang jauh menghimpun yang dekat,
 Kalau kuat dibubuhkan di pangkal kayu,
 Kalau tegap buat penupang,
 Kalau lembek buat pengempang,
 Kalau malim hendakkan doanya,
 Kalau kaya hendakkan emasnya,
 Kalau patah buat penghalau ayam,
 Kalau buta buat penghembus lesung,
 Kalau pekak pembakar meriam.⁹³

Berdasarkan pepatah adat di atas, apa yang dapat disimpulkan ialah sebagai orang semenda, mereka mempunyai peranan yang tertentu dalam anggota keluarga di mana ia bersemenda. Tugas atau peranan yang diberikan oleh tempat semenda itu adalah sesuai dengan kemampuan dan kebolehan orang semenda itu. Dengan

⁹³ Ibid.

perkataan lain, peranan orang semenda itu bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan dalam keluarga dan masyarakat setempat.

Kesimpulannya, daripada peraturan yang terdapat dalam sistem Adat Perpatih ini jelas bahawa masyarakat tersebut mempunyai panduan yang lengkap dalam konteks hidup bermasyarakat. Dengan adanya garis panduan tersebut, masyarakat berkenaan dapat hidup dalam harmoni dan saling bantu-membantu. Perkara tersebut juga ada persamaan dengan apa yang disarankan oleh Islam dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa peraturan bermasyarakat dalam Adat Perpatih itu adalah berlandas kepada ajaran Islam kerana apa yang dinyatakan dalam adat memperlihatkan ciri-ciri persamaan.

2.4 Etika Berjiran

Dalam kehidupan bermasyarakat, perkara yang tidak dapat dielakkan ialah hidup berjiran. Memandangkan jiran itu merupakan unsur terpenting dalam kehidupan seseorang, maka dalam sistem Adat Perpatih memberi penekanan khusus dan menyediakan tatacara tertentu dalam masyarakat orang Melayu tradisional. Oleh itu, bagi melahirkan masyarakat yang harmoni beberapa peraturan telah digariskan oleh masyarakat pengamal Adat Perpatih ini.

Sehubungan itu, dalam tatacara berjiran Adat Perpatih ada menyatakan:

Duduk berpelarasan,
 Dekat rumah dekat kampung,
 Halaman satu sepermainan,
 Seperigi sepermandian,
 Segayung sepergiliran,
 Sejambar setepian,
 Muafakat tak berubah,
 Rahsia tak bertukar,
 Ibarat labu menjalar ke hulu,
 Ibarat kundur menjalar ke hilir,
 Pangkalnya sama dipupuk,
 Pucuknya sama digentis,
 Buahnya sama ditarik.⁹⁴

Falsafah yang terkandung dalam gurindam di atas mencerminkan bahawa kehidupan berjiran dalam masyarakat Adat Perpatih ini amat indah dan murni. Mereka hidup dalam suasana yang amat harmoni. Nilai tolong-bantu, kerjasama dan perkongsian dalam hidup begitu nyata dan jelas. Dalam pada itu, sifat suka menjaga hal peribadi jiran tidak disukai. Ini jelas pada kata-kata "*Muafakat tak berubah, rahsia tak bertukar*". Ini mencerminkan betapa murninya dan perihatannya anggota masyarakat itu untuk memelihara kerukunan dalam urusan berjiran.

⁹⁴ Temubual dengan Dato' Mengiang Hj Yaakub bin Yusuf pada 25 Mei, 1998.

Dalam Islam juga dinyatakan dengan jelas tentang perkara-perkara yang harus dilakukan oleh seseorang terhadap jirannya. Rasulullah S.A.W. pernah bersabda yang bermaksud:

Tidak dianggap sempurna iman terhadap-Ku seseorang yang tidur dengan keadaan perutnya kenyang sedangkan jiran di sisinya dalam keadaan kelaparan, dan dia mengetahui yang demikian.⁹⁵

Seterusnya, dalam hidup berjiran ini, ada beberapa tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh seseorang jiran terhadap jirannya. Seseorang jiran adalah bertanggungjawab dalam urusan kesejahteraan dan kebajikan jirannya. Nilai yang terjelma dalam masyarakat Adat Perpatih itu ialah bersedia memberikan pertolongan pada saat-saat jiran memerlukan pertolongan dan bantuan. Perkara ini dinyatakan dalam kata-kata berikut:

Duduk berpelarasan,
Dekat rumah dekat kampung,
Boleh pinta meminta,
Sakit pening jenguk menjenguk.⁹⁶

⁹⁵ Al-Tabrani daripada Anas.

⁹⁶ Temubual dengan Dato' Mengiang Hj Yaakub bin Yusuf pada 25 Mei, 1998.

Dalam perkara yang sama, Rasulullah S.A.W. dalam sebuah hadis baginda bersabda yang bermaksud:

Demi Allah tidak beriman, demi Allah tidak beriman,
demi Allah tidak beriman, maka ditanya: Siapakah
mereka itu Rasulullah? Lalu dijawab: Mereka yang tidak
menyelamatkan jirannya daripada gangguannya.⁹⁷

Masyarakat Adat Perpatih bukanlah masyarakat yang mengamalkan sikap individulistik tetapi mereka menjunjung prinsip muafakat dan kerjasama yang begitu tinggi. Bagi mereka dalam sesebuah kampung setiap anggotanya dianggap bersaudara sama ada melalui keturunan ataupun perkauman yang lebih berupa sebuah keluarga besar. Kehidupan anggotanya adalah saling bergantung. Dalam masyarakat begini, kerjasama dan tolong-menolong adalah merupakan nilai-nilai utama dalam hidup mereka.⁹⁸

Selanjutnya, tanggungjawab jiran dengan jiran adalah ketika salah seorang daripada mereka menghadapi saat-saat berdukacita atau kesedihan. Dalam hubungan ini, kata-kata adat menyebutkan:

⁹⁷ Al- Bukhari.

⁹⁸ Hanafi Dolah, "Institusi Perhambaan Dalam Masyarakat Melayu Tradisional: Satu Analisis dari Segi Teori Nilai", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur. 1982, hlm. 9.

Kok sakit tinjau meninjau,
 Kok mati jenjuk-menjenguk
 Yang mati dikerajangi
 Yang hidup dipelihara.⁹⁹

Merujuk kepada kata-kata di atas, nilai yang boleh diterjemahkan ialah masyarakat Adat Perpatih bersedia berkongsi kesedihan dan rela pula menghulurkan bantuan dan pertolongan kepada jiran yang ditimpa musibah. Semangat inilah yang menjadikan masyarakat Adat Perpatih itu hidup dalam aman dan makmur. Bagi mereka kesusahan jiran, adalah kesusahan mereka juga, dan sesuai dengan kata-kata "*cubit paha kanan, paha kiri terasa juga*".

Sehubungan dengan tanggungjawab jiran terhadap jiran, sememangnya amat dituntut oleh Islam . Oleh itu konsep berjiran ini perlu dihayati untuk menjamin kesejahteraan dalam kehidupan. Tegasnya, kerukunan berjiran perlu diwujudkan, seperti sabda Nabi S.A.W. yang bermaksud:

Tidak dianggap sempurna iman terhadap-Ku seseorang
 yang tidur dengan keadaan perutnya kenyang sedangkan

⁹⁹ Temubual dengan Dato' Mengiang Hj Yaakub Yusof pada 25 Mei, 1998.

jiran di sisinya dalam keadaan kelaparan dan dia mengetahui yang demikian.¹⁰⁰

Tegasnya, masyarakat Adat Perpatih sangat memandang berat tentang kerukunan dalam berjiran. Segala ketetapan yang dibuat dalam adat bertujuan menjaga keharmonian dalam masyarakat. Dalam hubungan ini, ada digariskan peraturan bagaimana seseorang ahli dalam masyarakat itu menjaga harta benda mereka agar tidak menjadi pergaduhan atau pertengkaran. Dalam hal ini kata-kata adat nyata:

Kerbau tak berkandang, seladang

Padi tak berpagar, lalang

Yang memiliki kerbau harus dikandang

Yang memiliki sawah padi harus dipagar .¹⁰¹

Masyarakat Adat Perpatih sememangnya menggalakkan anggotanya berternak dan bertani. Bagaimanapun, setiap aktiviti itu seharusnya mengikut peraturan-peraturan tertentu bagi menjamin kesejahteraan dalam berjiran. Sekiranya peraturan tersebut dilanggar, kemungkinan akan berlaku pertengkaran yang membawa kepada pergaduhan. Oleh itu nilai yang terdapat dalam kata-kata adat di atas menyarankan supaya harta

¹⁰⁰ Al- Tabrani daripada Anas.

¹⁰¹ Abdul Samad Idris, Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih Dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 3-5 Mei, 1984.

mereka dijaga dengan baik agar tidak merosakan harta orang lain dan tidak pula dirosakan oleh harta orang.

Tegur-menegur dan tunjuk- ajar bertujuan untuk kebaikan adalah disarankan dalam masyarakat Adat Perpatih. Sememangnya telah menjadi hukum alam bahawa "*bumi mana yang tak ditimpa hujan*", setiap orang tidak sunyi melakukan kesilapan. Berlandas kepada ini, masyarakat bertanggungjawab menasihatkan jiran-jiran yang tersalah langkah atau keterlangguran laku. Oleh itu perbilangan adat menyebutkan:

Mengheret membentang

Menunjuk mengajari

Menegur menyapa¹⁰²

Dalam konteks tegur-menegur dan tolong-menolong perkara yang baik ini Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

Hai orang yang beriman, jauhilah kebanyakan daripada buruk sangka kerana setengah buruk sangka itu adalah berdosa dan janganlah kamu mengintip kesalahan-kesalahan orang lain. Sukakah seorang daripada kamu

¹⁰² Nordin Selat, hlm. 11.

memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka kamu benci memakannya.¹⁰³

Seperti yang telah diterangkan, masyarakat Adat Perpatih amat memandang berat tatacara dalam bermasyarakat. Ini dapat diperhatikan dalam ungkapan berikut:

Berat sama dipikul
 Ringan sama dijinjing
 Yang tidak ada sama dicari
 Sama sakit sama senang
 Ke bukit sama didaki
 Ke lurah sama menuruni
 Sama menghayun sama melangkah
 Jika khabar baik diberitahu
 Jika khabar buruk serentak didatangi
 Jika jauh ingat mengingat
 Jika dekat temu menemui
 Dapat sama laba
 Hilang sama rugi¹⁰⁴

¹⁰³ Al- Hujurat, 49: 12 .

¹⁰⁴ Nordin Selat , hlm. 12.

Apa yang dapat dikutip daripada kata-kata adat di atas, masyarakat Melayu Negeri Sembilan sangat mengutamakan semangat tolong-menolong antara satu dengan lain khususnya dalam konteks jiran tetangga. Bagi masyarakat Adat Perpatih semangat gotong-royong, berkerjasama, bermuafakat, setia kawan dan bertanggungjawab adalah nilai yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan mereka. Perkara ini amat bersesuaian dengan Islam yang menuntut manusia mematuhi peraturan dalam berjiran seperti firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

Hai orang yang beriman, janganlah seseorang lelaki menghina seorang yang lain kerana boleh jadi mereka lebih baik daripadanya dan jangan pula seorang wanita menghina wanita yang lain kerana boleh jadi mereka lebih baik daripadanya dan janganlah mencaci di antara sesama kamu dan jangan kamu memanggil dengan gelaran yang tidak baik. Seburuk-buruk nama ialah fasik sesudah beriman. Orang yang tidak bertaubat, maka merekalah orang yang aniaya.¹⁰⁵

¹⁰⁵ Al- Hujurat. 49: 11.

2.5 Etika Menuntut Ilmu

“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang Mencipta. Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmulah yang Paling Pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam. Dia mengajarkan kepada manusia yang tidak diketahuinya.”¹⁰⁶

Wahyu di atas telah diturunkan Allah kepada Rasulullah menerangkan betapa pentingnya ilmu pengetahuan kepada manusia. Berdasarkan kepada firman tersebut, masyarakat Adat Perpatih tidak menyimpang daripada tuntutan Islam dalam soal menuntut ilmu pengetahuan. Dalam hubungan ini, banyak kata-kata dalam adat yang menyarankan supaya masyarakat menuntut ilmu pengetahuan dan menjelaskan kelebihan orang yang berilmu dibandingkan dengan orang yang tidak berilmu:

Jika cerdik teman berunding

Jika bingung disuruh arah¹⁰⁷

¹⁰⁶ Al – ‘Alaq, 96: 1-5 .

¹⁰⁷ Temubual dengan Dato’ Raja Balang Hj Jamaluddin bin Abdul Rahman pada 1 Jun, 1998.

Kata-kata di atas memberi gambaran bahawa orang yang berilmu itu dimuliakan dalam masyarakat. Mereka akan dijadikan sebagai tempat berunding untuk mendapatkan buah fikirannya. Sementara mereka yang tidak mempunyai ilmu (bingung) akan menjadi orang suruhan sahaja. Ini membayangkan betapa kedudukan orang yang tidak berilmu dalam masyarakat Adat Perpatih. Bagaimanapun, dalam masyarakat Adat Perpatih kedua-dua golongan ini, iaitu golongan orang yang berilmu dan golongan kurang berilmu masih diperlukan dan mereka mempunyai peranan masing-masing dalam masyarakat. Tegasnya, dalam masyarakat Adat Perpatih tidak ada seorang pun yang akan terpinggir kerana mereka saling melengkapi.

Seperti yang disebutkan di atas, masyarakat Adat Perpatih amat menghargai ilmu. Tanpa ilmu sesaorang tidak dapat menjalani kehidupan ini dengan sempurna. Berpegang kepada kepercayaan ini, masyarakat Melayu Negeri Sembilan berpegang kepada kata-kata adat berikut:

Kalau lelaki diserahkan mengaji

Kalau perempuan diserahkan menjahit¹⁰⁸

Berdasarkan kepada kata-kata tersebut, jelas memperlihatkan betapa masyarakat Adat Perpatih sangat menghargai ilmu. Setiap individu dalam masyarakat

¹⁰⁸ Nordin Selat, hlm. 119.

dituntut untuk mencari ilmu. Dalam pada itu, sistem Adat Perpatih menggariskan bahawa dalam hal menuntut ilmu ini perlu ada kesesuaian mengikut jantina. Tegasnya, masyarakat Adat Perpatih amat perihatin dalam soalan keperluan penguasaan ilmu itu mengikut kepentingan. Dengan kata lain, orang lelaki sebagai ketua dalam keluarga perlu menimba ilmu agama sebagai bekalan untuk mereka mendidik isteri dan anak-anak mereka nanti. Dalam pengertian 'mengaji' yang terkandung dalam kata-kata adat tersebut, adalah merujuk kepada mempelajari al-Quran dan hukum-hakam yang berkaitan dengan agama Islam. Bagi masyarakat Adat Perpatih, orang lelaki yang bakal memimpin keluarga perlu melengkapkan diri dengan ilmu keagamaan. Perkara ini selari dengan garis panduan yang diberikan Islam, dimana orang lelaki yang telah berumah tangga merupakan ketua keluarga yang memimpin ahli keluarganya.

Dalam pada itu, masyarakat Adat Perpatih tidak mengenyepikan peranan wanita dalam soal menuntut ilmu tetapi haruslah disesuaikan dengan sifat kewanitaan dan peranannya dalam institusi keluarga. Oleh itu, sebagai orang yang bertanggungjawab menguruskan rumah tangga, suami dan anak-anak, mereka diperlukan untuk mempelajari perkara-perkara berkaitan dengan peranan mereka dalam rumah tangga seperti menjahit dan memasak. Tegasnya, masyarakat Adat Perpatih telah mampu mengagihkan peranan anggota masyarakatnya mengikut kedudukan masing-masing. Oleh itu tidak timbul pendapat yang mengatakan bahawa orang lelaki sahaja yang perlu menuntut ilmu sedangkan wanita tidak perlu menimba ilmu.

Amalan yang menekankan bahawa menuntut ilmu ini tidak terbatas kepada orang lelaki sahaja adalah bersesuaian dengan yang digariskan oleh Islam. Tegasnya, menuntut ilmu itu adalah tanggungjawab setiap individu tidak kira lelaki ataupun perempuan selagi ia tidak bertentangan dengan Islam. Dalam hal ini, terdapat kata-kata seperti *"tuntutlah ilmu walau sampai ke Negeri Cina"*. Ini memperlihatkan betapa pentingnya manusia itu menuntut ilmu pengetahuan. Ilmu merupakan alat yang dapat melonjakkan diri individu ke satu tingkat yang lebih tinggi di mata masyarakat. Sekali gus kejayaan individu itu dapat mengharumkan masyarakat dan pada masa yang sama mampu mendaulatkan bangsa itu sendiri di kalangan masyarakat lain.

Kesimpulannya, nilai menuntut ilmu dalam masyarakat Adat Perpatih ini amat jelas. Bagaimanapun, masyarakat Melayu memperingatkan bahawa kalau menuntut ilmu hendaklah dipelajari secara bersungguh-sungguh. Kesungguhan sahaja yang dapat menjamin kecemerlangan seseorang itu. Jika gagal dalam urusan menuntut ilmu itu, bagi masyarakat Adat Perpatih kesannya digambarkan seperti kata-kata berikut:

Alang tukang terbuang kayu

Alang cerdik binasa Adat

Alang alim rosak agama

Alang sefaham kacau negeri¹⁰⁹

¹⁰⁹ Ibid.

Berkaitan dengan kata-kata di atas, apa yang cuba diungkapkan oleh masyarakat Adat Perpatih ialah nilai kesungguhan dan ketekunan dalam mencari ilmu. Untuk mendapat ilmu yang boleh dimanfaatkan kepada masyarakat, maka perlu dipelajari secara bersungguh-sungguh dan tekun melakukannya. Kegagalan dalam menuntut ilmu bermakna ilmu yang didapati itu tidak boleh menyumbang kepada kesejahteraan orang ramai. Lebih buruk lagi kesannya jika ilmu yang didapati itu tidak mantap akan mendatangkan kerosakan dan kemusnahan kepada masyarakat. Tegasnya, masyarakat Adat Perpatih mengingatkan ilmu yang dipelajari haruslah dikuasai dengan sebenar-benarnya.

2.6 Etika Penghakiman

Dalam masyarakat Adat Perpatih, etika penghakiman terhadap sesuatu kesalahan yang dilakukan berlandaskan kepada nilai keadilan yang tidak berat sebelah. Sememangnya dalam konteks pada hari pun, asas segala jenis undang-undang ialah adil. Keadilan itu lantas. Ia tidak terikat oleh tali persaudaraan, kepentingan politik, tekanan rasuah ataupun martabat kedudukan.¹¹⁰ Oleh itu dapat dikatakan bahawa Adat Perpatih telah sedia mempraktikkan ketelusan dalam etika perundangannya. Pihak yang bersalah pasti menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukannya. Dalam hubungan ini, adat ada menyatakan:

¹¹⁰ Zainal Kling, "Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat", Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 3-5 Mei, 1984.

Ibarat limau masam sebelah
 Perahu karam sekerat
 Tiba di mata dipicingkan
 Tiba di perut dikempiskan.¹¹¹

Kata-kata di atas menjadi etika penghakiman dalam menjatuhkan sebarang hukuman kepada orang yang dibicarakan. Apabila melakukan pengadilan, masyarakat Adat Perpatih menekankan bahawa nilai adil dan saksama perlu diambil kira. Sebarang hukuman yang dijatuhi perlu adil dan tidak berlaku berat sebelah. Peraturan dan hukuman yang dikuatkuasakan tidak berpihak-pihak dan haruslah sama. Dengan perkataan lain, hukuman yang dikenakan kepada orang yang melakukan kesalahan itu tidak mengambil kira keluarga atau anak sendiri. Tegasnya hukuman adalah sama dan adil. Perkara ini penting untuk mengekalkan kestabilan dan membendung perasaan tidak puas hati di kalangan masyarakat.

Menyentuh tentang konsep adil ini, banyak definisi yang diketengahkan oleh ahli-ahli dalam pelbagai bidang. Misalannya, dalam pengertian bahasa, keadilan bermaksud sebagai kesamarataan, perseimbangan dan meletakkan sesuatu pada tempatnya.¹¹² Daripada pengertian yang diberikan dalam bidang falsafah pula keadilan itu dinyatakan seperti berikut:

¹¹¹ Ibid.

¹¹² Mustafa Haji Daud, hlm. 440.

Keadilan sebagai akhlak yang sempurna. Segala sesuatu yang dapat menyempurnakan akhlak adalah adil. Sebaliknya sesuatu yang merusakkan akhlak adalah dianggap sebagai tidak adil.¹¹³

Walau apapun cara mentakrifkan istilah keadilan itu, dalam pandangan Islam keadilan ini adalah sesuatu yang wajib diamalkan pada setiap urusan . Dalam hubungan ini, terdapat ayat al-Quran yang menyentuh tentang nilai adil yang bermaksud:

Jika kamu menghukum di antara manusia hendaklah kamu menghukum seadil-adilnya.¹¹⁴

Sehubungan dengan ayat di atas, dalam Adat Perpatih juga sangat menekankan soal keadilan apabila membuat penghakiman. Adat melarang sekeras-kerasnya melakukan perbuatan berat sebelah apabila menjatuhkan hukuman. Hal ini diperjelaskan dalam kata-kata adat:

Menghukum adil berkata benar

Tidak boleh berpihak-pihak

¹¹³ Ibid, hlm. 441.

¹¹⁴ Al- Nisa', 4 :58.

Beruk di rimba disusukan
 Anak dipangku dicampakkan
 Hukum adil dijalankan
 Nan benar dianjak tidak ¹¹⁵

Tegasnya Adat Perpatih memandang persoalan keadilan ini sebagai sesuatu yang penting. Sekiranya nilai keadilan ini gagal dilaksanakan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab akan berlakulah keadaan berat sebelah. Oleh itu, konsep adil dan kebenaran itu merupakan nilai yang telah sebatu dalam etika perundangan masyarakat Adat Perpatih.

Sehubungan itu juga, Adat Perpatih menyatakan:

Ibarat limau masam sebelah
 Perahu karam sekerat
 Kena ke perut dikempiskan
 Kena ke mata dipejamkan
 Tersauk pada ikan suka
 Tersauk bangkar masam muka ¹¹⁶

¹¹⁵ Temubual dengan Dato'Megat Hj Lidun pada 20 Mei, 1998.

¹¹⁶ Ibid.

Tegasnya, masyarakat Adat Perpatih menolak perbuatan berat sebelah dalam masyarakat. Etika penghakiman dalam Adat Perpatih mengingatkan bahawa jangan sekali-kali orang yang menghakimi itu melakukan penyelewengan ketika menjatuhkan sesuatu hukuman. Dalam hal keadilan ini hubungan kekeluargaan atau tidak, bukan menjadi garis pemisah untuk menghukum sesuatu kesalahan. Sekiranya perbuatan ini diizinkan berlaku dalam masyarakat, pasti musibah akan menimpa masyarakat berkenaan.

Jika masyarakat mengenyepikan persoalan keadilan ini, pasti balasan yang diundang akan segera hadir. Dalam hal ini adat mengingatkan:

Kalau tak patah, tiat

Kalau tak luka, congek¹¹⁷

Apa yang dapat dipetik daripada kata-kata di atas, hakim atau masyarakat yang engkar mengikut etika dalam penghakiman akan ditimpa bencana. Bencana yang diturunkan itu merupakan balasan daripada perbuatan mereka sendiri. Balasan yang diterima itu mungkin besar atau sebaliknya tetapi yang pastinya tetap terjadi dan setimpal dengan kesalahan yang mereka lakukan.

¹¹⁷ Ibid.

Kesimpulannya, keadilan perlu ditegakkan dan dimartabatkan. Jika tanpa keadilan, masyarakat akan hidup dalam suasana tidak tenteram. Masyarakat akan berada dalam keadaan tidak puas hati dan boleh mengakibatkan porak-peranda. Dalam hal ini al- Quran ada menyebutkan yang bermaksud:

Wahai orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah, biarpun terhadap dirimu sendiri, atau kepada dua ibu bapa kamu, jika kaya atau miskin, maka Allah lebih tahu kemuslihatan.¹¹⁸

2.7 Kesimpulan

Masyarakat Adat Perpatih telah terdidik dengan satu aturan sosial yang mantap sejak zaman- berzaman. Adat yang telah diamalkan daripada nenek-moyang mereka telah sehati dalam jiwa mereka yang kemudiannya membentuk masyarakat yang bertanggungjawab dan berdisplin. Sikap, nilai dan corak tingkah laku masyarakat Adat Perpatih telah menjadi sebahagian jatidiri masyarakat tersebut hingga ke hari ini.

¹¹⁸ Al- Nisa', 4: 58 .

Sehubungan itu, dalam kajian sosiologi istilah yang digunapakai untuk merujuk etika yang menjadi asas jatidiri sesebuah masyarakat itu ialah gaya hidup atau "*life-style*". Ahli sosiologi mentafsirkan *life-style* itu sebagai:

the attitudes, values, and parterns of behavior that typify
a partcular social group.¹¹⁹

Oleh itu dalam masyarakat Adat Perpatih, *life-style* didasari oleh etos sosialnya. Justeru itu, setiap aktiviti sosial, pergaulan, kejiiran, kegigihan mencari ilmu dan bidang penghakiman adalah bergerak di atas landasan yang telah digariskan oleh adat. Tegasnya jatidiri sosial itu telah menjadi semacam ideantiti khusus masyarakat pengamal Adat Perpatih. Oleh kerana adat ini telah diamalkan oleh sebahagian besar orang Melayu di daerah Jelevu sejak turun-temurun, etika sosial yang menjadi panduan masyarakat hari ini merupakan kelangsungan etika Adat Perpatih yang terbina sejak dahulu lagi. Sebagai contoh yang nyata, nilai-nilai muafakat, kerjasama, gotong-royong dan kejiiran terjelma apabila sebuah keluarga akan mengadakan majlis kenduri kahwin misalannya. Sebelum majlis dilangsungkan, amalan biasanya ialah keluarga tersebut akan menjemput keluarga terdekat dan jiran untuk "berkampung". Majlis berkampung ini bertujuan untuk menentukan hari bekerja seperti mendirikan khemah, penangguh (tempat masak-memasak). Apabila ditetapkan hari kerja, kaum keluarga dan jiran tetangga akan berhimpun untuk sama-sama bergotong-royong.

¹¹⁹ R. C. Federico, hlm. 195.

Orang yang penting dalam menjayakan majlis ini biasanya ialah orang semenda. Oleh kerana itu diungkapkan peranan orang semenda itu: *dipanggil datang, disuruh pergi, memanggil yang jauh, menghimpun yang dekat*.

Kesimpulannya, etos sosial masyarakat Adat Perpatih menggarap setiap aspek kemasyarakatan, iaitu etika sosial, etika pergaulan, etika berjiran, etika menuntut ilmu dan etika penghakiman. Oleh itu dapat dikatakan etika sosial Adat Perpatih itu lengkap dan etika itu sendiri terus-menerus dipakai sehingga ke hari ini. Apa yang lebih penting faktor yang menunjangi kemantapan etika dalam sosial tersebut ialah nilai-nilai yang disandarkan kepada hukum Islam.

Bibliografi

Buku

- Abdullah Jumain Abu Samah. 1995. *Asal-Usul Adat Perpatih dan Adat Temenggung: Satu Analisis Tambo-Tambo Minangkabau Berasaskan Strukturalisme*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Taib. 1985. *Asas-Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abu Hassan Din. 1990. *Ke Arah Keimanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abul A'la Al-Maududi. 1983. *Pokok Pandangan Hidup Muslim (Terjemahan)*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Ahmad Mohd Saleh. 1998. *Pendidikan Islam: Dinamika Guru Jilid I*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Alan R. B. 1993. *Politik dan Kerajaan Moden (Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Albrecht, M. C. 1978. The Relationship of Literature and Society. Dalam Peter Davidson, Rolf Meyersolin and Edward Shils (ed.). *The Sociology, Literature Taste, Culture and Mass Communication*. Vol. 6. Cambridge: Chadwyck Healey.

- Amir Syarifuddin. 1984. *Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Lingkungan Adat Minangkabau*. Jakarta: P.T. Gunung Agung.
- Eshleman, J. R. & Cashion, B. G. 1985. *Sociology (2nd. Edition)*. Boston: Little Brown and Co.
- Federico, R. C. 1979. *Sociology*. Philippines. Addison Wesley Publishing Co.
- Francois-Rene Daillie. 1990. *Alam Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu. 1984. *Pokok-Pokok Pengetahuan Adat Alam Minangkabau*. Bandung: Remadja Karya CV.
- HAMKA. 1984. *Islam dan Minangkabau* . Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.
- Hashim Awang. 1988. *Kritikan Kesusasteraan: Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussein Alatas ,Syed. 1972. *Siapa Yang Bersalah*. Singapura: Pustaka National.
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. 1974. *Sastera Dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi.
- Johns, A.H, Cultural Options and The Role of Tradision: Fecundation of a New Malay Poetry dlm. *Bahasa Kesusasteraan Dan Kebudayaan Melayu*: 93. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan , Belia dan Sukan..
- Kirkpatrick ,E..M. (Edited). *Chambers 20th Century Dictionary (New Edition)*.
- Mahathir bin Mohamad. 1970. *The Malay Dilemma*. Petaling Jaya: Federal Publications.

- Mohd Taib Osman. 1980. Masyarakat, Kebudayaan dan Kesusasteraan dalam Ayob Yamin dan Hamzah Hamdani (pngr). *Penulisan Kreatif*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 1979. *Warisan Puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman dan Abu Hassan Sham. 1975. *Warisan Prosa Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Abul Quasem. 1975. *The Ethics of Al-Ghazali A Composite Ethics In Islam*. Petaling Jaya: Central Printing Sendirian Berhad.
- Muhammad Al-Buraey. 1992. *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. 1993. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Newbold, T.J. 1993. Dalam Norhalim Hj Ibrahim. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti .
- Nordin Selat. 1982. *Remungan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributions.
- Nordin Selat. 1982. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Norhalim Hj Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Ramanathan, K. 1988. *Konsep Asas Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- R.H.A. Soenarjo S.H.. 1971. *Al-Quran dan Terjemahan*. Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemahan/ Pentafsir Al-Quran.
- S. Takdir Aliasjahbana, 1971, *Puisi Lama*, Petaling Jaya: Zaman Baru.
- Senu Abdul Rahman , Ali Haji Ahmad, Rais Saniman, Abdullah Haji Ahmad, Raja Mohd Affandi, Taib Osman, Wan Mohd Mahyiddin Wan Nawang, Kahar Bador, Wan Ismail Wan Mahmud, Raja Azman Raja Ismail, Hamzah Alang, Omar Osman, Ali Abdullah, Buyong Adil. 1971. *Revolusi Mental*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.
- Shahnon Ahmad. 1991. Karya Sastera Sebagai Bahan Pengajaran dan Pendidikan dlm. *Sastera Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. 1981. *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Soerjono Soekanto, SH. MA. 1988. *Memperkenalkan Sosiologi*. Edisi Baru. Jakarta: CV Rajawali.
- ZA'BA. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tesis, Latihan Ilmiah dan Kertas Kerja

- Abdul Samad Idris. 1984. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, 3-5 Mei 1984.
- Abdul Samad Idris 1996. Secebis Mengenai Adat Perpatih: Nilai dan Falsafahnya. Kertas Kerja Seminar Kerapatan Adat Negeri Sembilan, 24 Julai.

- Azizah Kassim. 1969. Kedudukan Wanita di Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan. *Tesis M.A.* Universiti Malaya.
- Djafri Datuk Bandaro Lubuk Sati. 1990. Hukum Adat Minangkabau. Rapat Kerja Daerah Pengadilan Tinggi dan Para Ketua/Hakim Pengadilan Negeri Se Sumatera Barat, Padang pada 21-23 Nopember.
- Habibah Zainudin . 1978. Adat Perpatih; Pandangan Islam dan Masyarakat Rembau. *Latihan Ilmiah.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim bin Abdullah. 1977. Sistem Suku Adat Perpatih di Rembau. *Latihan Ilmiah.* Universiti Malaya.
- Nor Hasiah bt. Harun. 1990. Nilai Etika dalam Perbilangan Adat Perpatih Menurut Pandangan Islam. *Latihan Ilmiah.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1984. Sistem Sosial Adat Negeri Sembilan. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, 3-5 Mei .
- Othman Haji Abu Bakar. 1977. Sejarah Jelevu: Satu Tinjauan Awal Aspek Sosial, Ekonomi dan Politik, 1850-1900. *Latihan Ilmiah.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidek Fadzil. 1995. Budaya Sebagai Wahana Kebangkitan Bangsa. Kertas Kerja Seminar Mengenai Kebudayaan Kebangsaan . Hotel Princess, 12-13 Disember.
- Sidiq Fadzil. 1997. Fleksibiliti Adat Perpatih dalam Proses Islamisasi. Kertas Kerja Seminar Tertutup Pemantapan Nilai Islam dalam Sistem Adat Perpatih. Anjuran Jabatan Mufti Kerajaan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan , 24-25.

Zainal Kling. 1984. Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan . Universiti Pertanian Malaysia, 3-5 Mei .

Majalah / Akhbar / Ucapan

Azman Ismail. 1999. Kehebatan Karya Agung. *Mingguan Malaysia*, April: 28.

Berita Harian, 6 September, 1997.

Hanafi Dolah.1982. Institusi Perhambaan dalam Masyarakat Melayu Tradisional: Satu Analisis dari Segi Teori Nilai dalam Malaysia dari Segi Sejarah . Kuala Lumpur:

Hashim Yaccob. 1993. Sastera Milik Kita Semua. *Dewan Sastera*, November.

Hassan Ahmad. 1997. Kebangkitan Melayu. *Dewan Budaya*. Bil. 7. Jilid 19. Julai.

Kamaruddin Hj. Kachar . Ucapan Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan pada 3-5 Mei 1984. Universiti Pertanian Malaysia.

Mahathir Mohamad . Ucapan di Perhimpunan Agung UMNO ke-40. Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 5 September, 1997.


Persatuan Sejarah Malaysia.

Shamsul Amri Baharuddin, Feudal dalam Adat Perpatih, 12(8), 1974, hlm. 32-33.

Tun Abdul Razak bin Hussen. Ucapan di Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada 16-20 Ogos, 1971.

Temu bual

1. Dato' Megat Hj Lidun bin Mohamad. 1998. Jelevu, 20 Mei.
2. Dato' Mengiang Hj Yaakub bin Yusuf. 1998. Jelevu, 25 Mei.
3. Dato' Raja Balang Hj Jamaluddin bin Abdul Rahman. 1998. Jelevu, 1 Jun.
4. Dato' Ombi Abdul Ghani bin Dato' Shamarudin. 1998. Jelevu, 20 Jun.
5. Dato' Chenchang Hj Othman bin Sirun. 1998. Jelevu, 25 Jun.
6. Dato' Beremban Hj Ahmad bin Yusuf. 1998. Jelevu, 28 Jun.
7. Hj. Muhammad bin Yassin. 1998. Seremban, 10 September.
8. Hj. Ariffin bin Omar. 1998. Seremban, 25 September.



U K M MEMIMPIN

يونيڤرسيتي كڤڤساڤن مليسيا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 UKM BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

TELEGRAM "UNIKEB" TEL: 03-8250001, 8250601, 8250701

TELEX UNIKEB MA 31496 FAX:

125

LAMPIRAN 1

Pejabat Ketua Jabatan
Jabatan Persuratan Melayu

UKM 1.8.8/207/3 Jld. IV
5 September 1998

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

Kebenaran Membuat Kajilidikan

Saudara *Abdul Razak bin Lidun (Matrik A 6854)* ialah seorang mahasiswa di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dewasa ini beliau sedang membuat kajilidikan dalam bidang "*Etos Melayu Daripada Perspektif Adat Perpatih*." Untuk tujuan ini diharap dapat kiranya tuan/puan memberikan kerjasama serta nasihat yang diperlukan olehnya.

2 Di atas segala bantuan dan pertolongan pihak tuan/puan, kami ucapkan ribuan terima kasih.

Yang benar,

Prof. Madya Dr. Noriah Mohamed
Ketua
Jabatan Persuratan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia.

LAMPIRAN 2**SENARAI TOKOH YANG DITEMUBUAL****1) Dato' Ombi Abdul Ghani bin Shamarudin**

Beliau dilahirkan pada tahun 1932 di Jelevu, Negeri Sembilan. Mendapat pendidikan Inggeris di Sekolah Menengah King George V (KGV) Seremban, Negeri Sembilan sehingga tamat Senior Cambridge. Kemudian melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya, Singapura dalam Jurusan Perubatan (1954-58) tetapi tidak sempat menghabiskan pengajiannya. Pernah bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Beliau banyak menghasilkan rencana-rencana terutamanya tentang budaya dan pada masa yang sama banyak menterjemahkan buku teks Sains bahasa Inggeris ke bahasa Melayu untuk kegunaan pelajar sekolah menengah.

Dalam adat Jelevu, beliau kini memegang Jawatan Dato' Lembaga yang bergelar Dato' Ombi.

2) Dato' Raja Balang Hj Jamaluddin bin Abdul Rahman

Beliau dilahirkan di Jelevu, Negeri Sembilan. Tamat sekolah Melayu. Pernah bertugas sebagai anggota Polis Di-Raja Malaysia. Kini beliau memegang jawatan adat sebagai Dato' Raja Balang.

3) Dato' Chenchang Hj Othman bin Sarun

Beliau dilahirkan di Jelevu. Tamat sekolah Melayu. Seorang peniaga. Dalam adat beliau menjawat jawatan sebagai Dato' Chenchang Maharaja Lela.

4) Dato' Mengiang Hj Yaakub bin Yusof

Beliau dilahirkan di daerah Jelevu. Persekolahan sehingga tamat sekolah Melayu. Dalam adat beliau memegang jawatan Dato' Lembaga bergelar Dato' Mengiang Merah Bangsa.

5) Dato' Megat Hj Lidun bin Mohamad

Beliau dilahirkan pada tahun 1920 di Jelevu. Tamat sekolah Melayu. Dalam adat Jelevu beliau memegang jawatan Buapak bergelar Dato' Megat.

6) **Dato' Beremban Hj Ahmad bin Yusof**

Dilahirkan pada tahun 1922 di Jelevu. Tamat sekolah Melayu. Dalam adat beliau kini menjawat jawatan Buapak bergelar Dato' Beremban.


7) **Ustaz Hj Ariffib bin Omar**

Bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Agama dan Tamaddun Islam Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban. Mendapat pendidikan daripada Universiti Al-Azhar, Kahirah, Mesir. Sering muncul di Radio Malaysia, Negeri Sembilan menyampaikan ceramah agama

8) **Hj Muhammad Salleh bin Hj Yassin**

Dilahirkan pada tahun 1943. Mendapat pendidikan daripada Universiti Al-Azhar, Mesir Dan memperolehi ijazah BA dalam jurusan Syariah. Pernah bertugas sebagai Ketua Jabatan Agama Dan Tamaddun Islam di Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban. Kerap menyampaikan ceramah agama melalui Radio Malaysia Negeri Sembilan. Selepas bersara dari Perkhidmatan Kerajaan kini beliau memberikan khidmatnya sebagai Ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

LAMPIRAN 3



**HIRAKI KEPIMPINAN DALAM SISTEM POLITIK MASYARAKAT
MELAYU ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN**